



6 Penyelidik UPM Menang 9 Pingat di Belgium



Dari kiri: Prof. Madya Dr. Ishak Aris, Prof. Madya Dr. Adzir Mahdi, Rogers Van Roosbroeck (Presiden Juri Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Shuhaimi Mustafa, Prof. Dr. Azni Idris, Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman dan Prof. Madya Dr. Lai Oi Ming.

SERDANG, 24 NOV – Seramai enam penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meraih sembilan pingat di Belgium Brussels Innova sempena pameran antarabangsa inovasi, penyelidikan dan teknologi baru ke 57, di Belgium baru-baru ini.

Ketua Delegasi Malaysia Prof. Madya Dr. Rathasamy Muniandy berkata kejayaan UPM memenangi satu pingat anugerah khas, lima emas dan tiga perak melalui lapan penyertaan meletakkan UPM delegasi Malaysia terbanyak memenangi pingat.

Beliau selaku juri antarabangsa pertandingan tersebut berkata 98 peratus produk Malaysia berjaya memungut markah melebihi 60 peratus yang melayakkan untuk menerima sekurang-kurangnya pingat gangsa pada pameran yang berlangsung dari 13-15 November lalu.

"Produk Malaysia memberi saingan hebat kepada Hungary dan Rusia kerana mutu produk seakan sama. Sebanyak 405 produk telah dipertandingkan dari 30 buah negara dengan 34 daripada produk berkenaan dari Malaysia (6 institusi penyelidikan tinggi awam dan satu institut penyelidikan)," katanya.

Prof. Madya Dr. Lai Oi Ming dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul menerima tiga pingat iaitu anugerah khas The World International Property Organization for the Best Invention Produced by a Women melalui produknya Novel Catalyst For Production Of Acylglycerol Esters yang turut memenangi pingat emas.

Katanya produk mengenai minyak kesihatan dalam produk makanan seperti minyak masak dan marjerin itu berpotensi mengawal dan mengurangkan obesiti.

Produk emas keduanya ialah Novel Process For Production Of Diacylglycerols From Vegetable Oil, merupakan penghasilan sejenis bahan dikenali DAG daripada minyak kelapa sawit yang melibatkan tindak balas hidrolisis separa dengan menggunakan biokatalis lipase penyekat-gerak.

Menurut beliau kedua-dua produk ini merupakan projek kerjasama dengan Sime Darby Sdn. Bhd.

Pingat emas ketiga dimenangi oleh Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abd. Rahman dari fakulti yang sama dengan produk 205y Lipase: A New Novel Organic Solvent Tolerant Enzyme for Industrial Applications iaitu mengenai enzim penstabil dalam pelarut organik untuk digunakan dalam industri pembuatan sabun, kosmetik, farmaseutikal dan pembuatan kertas.

"Projek ini mampu mengurangkan kos dan negara tidak perlu lagi bergantung kepada enzim yang diimport dari negara luar," katanya.

Beliau turut memenangi pingat perak melalui produk kedua RNPeptiZyme™: A New Novel Protease For Biocalatysis In Organic Solvents iaitu biokatalis baru yang diaplikasikan dalam industri sintesis, kulit dan makanan serta keupayaannya sebagai agen pembersih dalam detergen.

Pingat emas keempat dimenangi oleh Prof. Dr. Azni Idris dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk New Bio-coagulant Using Fungi for Treating Polluted Water and Wastewater iaitu bahan bukan kimia BioFloc untuk membersihkan dan menjernihkan warna air sungai yang dicemari kumbahan.

Pingat emas kelima dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Ishak Aris dari Fakulti yang sama dengan produk Animated Robotic Language For Children- ANROLAN™ iaitu bahasa robotik yang menggunakan pendekatan animasi untuk mengaturcara pergerakan robot dengan mudah.

Pingat perak juga turut dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Shuhaimi Mustafa dari Institut Penyelidikan Produk Halal dengan produk Rapid, Specific and Cheap Real-Time Halal Verification Kit iaitu kit pengesanan kehadiran DNA babi dalam kepekatan rendah bagi menentukan status halal.

Pingat perak ketiga dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Adzir Mahdi dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk Multiwavelength Brillouin-Erbium Fiber Laser iaitu sistem laser Brillouin-Erbium untuk menghasilkan panjang gelombang (isyarat) berbilang dari satu sumber cahaya sahaja yang lebih efektif dan berkos rendah.

Oleh Bahagian Promosi Pusat Pengurusan Penyelidikan dan disunting Unit Media BKK UPM.